

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**SOALAN NO. 496**

**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat usaha dari Kerajaan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Azlan Shah, Ipoh yang sedia ada termasuk usaha untuk melebar dan menambahkan landasan.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah melaksanakan projek naiktaraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh (LT Ipoh) pada tahun 2012 dengan kos projek sebanyak RM40.12 juta. Sehingga kini, LT Ipoh masih belum dimaksimakan penggunaannya di mana kapasiti terminal sedia ada adalah untuk pengendalian 500,000 penumpang setahun. Sehingga kini LT Ipoh hanya mengendalikan penumpang maksimum 316,000 penumpang setahun sahaja. Dijangkakan LT Ipoh hanya akan mencapai kapasitinya pada tahun 2036. Justeru, Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk melaksanakan projek naik taraf ke atas LT Ipoh.
2. Dalam pada itu, kajian oleh MRCB melalui KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd (KPMG) yang dimuktamadkan pada 8 Mac 2018 menunjukkan bahawa LT Ipoh mempunyai isu-isu operasi seperti *sinkholes*, kawasan pembangunan terhad dan sekatan ketinggian yang menyekat pembangunan Bandar Raya Ipoh. Sehubungan itu, kajian mendapati terdapat keperluan untuk menempatkan semula LT Ipoh ke lokasi baharu.
3. Selanjutnya, berdasarkan unjuran permintaan trafik udara semasa berasaskan kepada pertumbuhan populasi negeri Perak bagi tempoh 2015-2040, pertumbuhan perkhidmatan penerbangan tambang murah, pelaburan asing di negeri Perak dan kemasukan pelancong dari Republik Rakyat China, kajian tersebut telah mengunjurkan LT Ipoh dijangka akan mencapai kapasiti maksimum pada tahun 2023 sekiranya tiada isu-isu operasi dan halangan ketinggian.

4. Walaubagaimanapun pada ketika ini, Kementerian Pengangkutan sedang mengadakan rundingan untuk memuktamadkan perjanjian operasi yang baharu dengan pihak MAHB. Melalui perjanjian operasi yang baharu ini, mana-mana syarikat swasta atau Kerajaan Negeri boleh menjalin kerjasama dengan MAHB untuk membuat pelaburan bagi membangunkan lapangan terbang- lapangan terbang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.